

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1991/92**

**Oktober/November 1991**

**IQK 303/3 - Analisis dan Kawalan Sistem-Sistem Proses**

**Masa: [3 jam]**

---


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab 5(LIMA) soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Terbitkan Graf Aliran Isyarat (Signal Flow Graph, (SFG)) bagi gambarajah blok yang diberi di Rajah 1.

[30 markah]

- (b) Daripada SFG, dapatkan fungsi pindah  $C(s)/R(s)$ .




Rajah 1

[70 markah]

2. (a) Rujuk kepada Rajah 2.

Jika  $G(s) = \frac{4}{s(s+2)}$ , tentukan kawalan suapbalik  $H(s)$  dan gandaan kawalan hadapan,  $k$ , supaya sistem gelung tertutup teredam genting (critically damped) dengan frekuensi biasa 3 rad/saat dan gandaan DC sebanyak 2.



Rajah 2

[40 markah]

2. (b) Sistem suapbalik unit mempunyai fungsi pindah gelung terbuka:

$$G(s) = \frac{k(0.1s + 1)}{s(s + 2)(s + 3)}$$

Dengan menggunakan kriteria Routh Hurwitz, tentukan

- (i) nilai  $k$  dimana sistem adalah genting stabil (critically stable).
- (ii) frekuensi ayunan sistem bagi nilai  $k$  yang ditentukan dalam (i).

[60 markah]

3. Satu sistem elektromekanikal ditunjukkan di Rajah 3. Anggapkan daya ( $f$ ) yang dihasilkan oleh magnet dan e.m.f. ( $e_b$ ) belakang yang diaruhkan di dalam gelung adalah:

$$f = K_f i_2 \text{ dan } e_b = K_b x$$

di mana  $K_f$  dan  $K_b$  adalah pemalar.

Gunakan:  $L = R_1 = R_2 = R = M = B = K = 1$

$K_b = K_f = 2$ , kesemua di dalam unit-unit yang bersesuaian.

$L$  dan  $R$  adalah Induktans dan Rintangan bagi gegelung ini.

$R_1$  dan  $R_2$  adalah perintang-perintang luaran yang disambung.


$M$ ,  $B$  dan  $K$  adalah parameter-parameter sistem mekanikal.

3. (a) Tentukan perwakilan gambarajah blok bagi sistem ini.

[70 markah]

(b) Dapatkan fungsi pindah,  $(X(s)/V(s))$ .

[30 markah]



Rajah 3

4. (a) Lukis dengan kemas sambutan langkah unit bagi sistem tertib kedua teredam rendah (lightly damped second order system). Tandakan kesemua spesifikasi domain masa pada plot sambutan.

[ 40 markah ]

- (b) Rujuk kepada Rajah 2 dari soalan 2 di atas.

$$\text{Ambil: } G(s) = \frac{9}{s(s+2)}$$

$$H(s) = (2s + 9)$$

$$\text{dan } k = 1$$

- (i) Dapatkan sambutan  $c(t)$  bagi input langkah unit (unit step input).

[ 30 markah ]

- (ii) Tentukan nilai-nilai bagi spesifikasi domain masa seperti berikut:

ralat keadaan mantap (steady state error)

peratus puncak terlajak (peak percentage overshoot)

masa di mana terlajak (overshoot) berlaku

[ 30 markah ]

5. Sistem suapbalik unit mempunyai fungsi pindah gelung terbuka yang diberi oleh

$$G(s) = \frac{30K}{s(s^2 + 4s + 5)}$$

- (a) Gunakan aturan Root-Locus dan dapatkan plot londar punca (root-locus plot) bagi  $K > 0$ .

[70 markah]

- (b) Apakah nilai  $K$  apabila kutub sebenar mencapai nilai  $s = -10$ .

[30 markah]

6. Fungsi pindah gelung terbuka bagi sistem suapbalik unit diberi oleh

$$G(s) = \frac{10}{s(1 + 0.1s)(1 + 0.05s)}$$

- (a) Lukis plot-plot Bode (kedua-dua plot magnitud dan plot fasa)

[60 markah]

- (b) Tentukan jidar fasa (phase margin) dan jidar gandaan (gain margin).

[40 markah]

7. (a) Dengan ringkas, bincangkan tiga kebaikan-kebaikan suapbalik di dalam sistem kawalan.

[30 markah]

- (b) Dengan bantuan gambarajah-gambarajah yang kemas, tunjukkan tabiat sambutan-sambutan langkah bagi sistem tertib kedua pada berbagai-bagai lokasi-lokasi kutub.

[70 markah]

ooooooooooooooo